

MAHATHIR - NIAGA  
(I)

1984

PETALING JAYA, 18 JULAI (BERNAMA) --KERAJAAN TIDAK BOLEH DAN TIDAK SEHARUSNYA TERUS MELABUR DALAM LAPANGAN YANG DIKUASAI OLEH, SEKTOR SWASTA, TEGAS PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU MENYATAKAN PENGLIBATAN KERAJAAN SADAH BEGITU BESAR, OLEH ITU IA HARUS MENGHAD PERANANNYA DI TAHAP YANG SEPATUTNYA AGAR SEKTOR SWASTA DAPAT MEMAINKAN PERANAN SEWAJARNYA.

PERDANA MENTERI MENAMBAH, KERAJAAN TELAH PUN MEMBENTUK RANGKAKERJA INSTITUSI DAN MEWUJUDKAN PERSEKITARAN YANG PERLU BAGI SEKTOR SWASTA MENUNJUKKAN DAYACIPTANYA DAN HEMPELOPMRI PELABURAN PERINDUSTRIAN.

SEKTOR SWASTA, KATANYA, DENGAN SUMBERNYA TERSENDIRI, MEMPUNYAI KEMAMPUAN DAYACIPTA DAN DAYA PEMBAHARUAN SERTA NAMPU MEREPUT PELUANG BEKERJASAMA DENGAN KERAJAAN DAN SERENTAK ITU MENCAPAI KEUNTUNGAN YANG TINGGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MELANCARKAN MALAYSIAN VENTURES BERHAD, SYARIKAT USAHA PERMODALAN YANG PERTAMA DI NEGARA INI, YANG DITUBUHKAN OLEH BANK SAUDAGAR ARAB-MALAYSIA DAN RAKAN-RAKANNYA. - LAGI.

2215 MST 18 07 84

0 2 2 2

R. B670 D E B

MAHATHIR - ● NIAGA 2 PETALING JAYA

PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN KEPADA SEKTOR SWASTA BAHAWA KERAJAAN AKAN MEMBERI SOKONGAN YANG WAJAR KEPADA PARA USAHAWAN YANG TULEN YANG MERASA BERKEWAJIPAN MEMAJUKAN RANCANGAN PERINDUSTRIAN NEGARA.

++NEGARA TIDAK KEKURANGAN PARA USAHAWAN TETAPI YANG KITA KURANG IALAH USAHAWAN YANG BERDISIPLIN DAN MEMPUNYAI IDEA-IDEA BARU++ UJAR PERDANA MENTERI.

BELIAU BERKATA RAMAI USAHAWAN YANG MENJALANKAN USAHA BARU TIDAK MEMPUNYAI REKOD LEPAS BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENDAPATKAN WANG YANG DIPERLUKAN OLEH KERANA PIHAK BANK TRADISIONAL MAHU MELIHAT PRESTASI MEREKA PADA MASA LALU, KIRA-KIRA IMBANGAN, AKAUN UNTUNG-RUGI DAN KAJIAN PASARAN.

SEORANG PELOPOR, TAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR, TIDAK MEMPUNYAI REKOD LEPAS UNTUK DIKEMUKAKAN DAN JIKA SEMUA BANK MENGAMBIL SIKAP INI, MAKA TIDAK AKAN BERLAKU PROJEK YANG GAGAL..

++INI TIDAK BERERTI PIHAK BANK TIDAK HARUS BERHEMAT, SEBAGAIMANA SEMESTINYA KERANA MEREKA ADALAH PENJAGA WANG PARA PENYIMPAN, TETAPI MEREKA JANGAN PULA TAKUT MENGUNTUKKAN SEBAHAGIAN KECIL SUMBER MEREKA UNTUK MELABUR DALAM PERNIAGAN-PERNIAGAAN BARU, ++TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR. - LAGI.

BELIAU BERKATA PIHAK PEMODAL PROJEK YANG BEDIA MENERIMA RISIKO YANG DIAMBIL KIRA SERTA MEMBANTU MENGGALAKKAN PENGELUARAN DAN PERKHIDMATAN BARU SERTA MEMAJUKANNYA MENJADI INDUSTRI PERTUMBUHANLAH YANG TELAH MEMBOLEHKAN PERKEMBANGAN TEKNOLOGI BARU.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN NENGINGATKAN BAHAWA SESUATU IDEA ATAU PENGETAHUAN MENGENAI PENGHASILAN SESUATU TIDAK HENJAMIN KEJAYAAN PERNIAGAAN OLEM KERANA UNTUK BERJAYA, PENGETAHUAN MESTILAH DIGABUNGI DENGAN KEPAKARAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN.

BELIAU BERKATA ADALAH MUSTAHAK BAGI SESEORANG DENGAN PENGETAHUAN TERTENTU YANG TIDAK HEMPUNYAI DUA KELEBIHAN ITU, BERSEDIA BEKERJA DENGAN MEREKA YANG HEMPUNYAI KELEBIHAN INI BAGI MEMBAIKI LAGI PELUANG KEJAYAAN DAN TIDAK MENANGGUNG SELURUH BEBAN KECAGALAN.

++SUDAH TIBA MASANYA RAKYAT MALAYSIA MENGUBAH SIKAP MEREKA. DAN DALAM BERKONGSI PENGETAHUAN, MEREKA MENGAGIH DAN MENGURANGKAN RISIKO SAMBIL MENENTUKAN "PENGETAHUAN IT" TIDAK TERUS LENYAP. ++KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

BELIAU BERKATA, INDUSTRI MODAL PERUSAHAAN DI SINI BARU DI PERINGKAT +BAYI+ DAN KEMAMPUANNYA BERGERAK LANCAR SERTA MERTA TIDAK DAPAT DIJANGKAKAN.

SEBENARNYA PENBANKAN "KE ATAS PENGUSAHAWAN DAN AMALAN TEKNOLOGI YANG ADA MENJADIKAN MODAL PERUSAHAAN IT" MENARIK PI SINI DARIPADA PENEHUSAN TEKNOLOGI ITU SENDIRI. -- LAGI..

2225MST 18 07 84

0225

R 0672 DEB

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERMODALAN PERUSAHAAN TIDAK SYAK LAGI MEMBABITKAN RISIKO YANG AGAK BESAR TETAPI KEJAYAAN SESUATU PERNIAGAAN MENJANGKAUI ANGKA KIRA-KIRA IMBANGAN ATAU KEMAMPUAN SEGERA UNTUK MEMBAYAR BALIK.

+PADA MASA LALU, BANYAK SYARIKAT USAHAWAN DI AMERIKA SYARIKAT SAGAL KERANA MEREKA TAMAK, TIDAK SABAR, KURANG SIKAP BERTANGGUNGJAWAB ATAU TIDAK HEMPUNYAI SEMANGAT USAHAWAN TULEN BAGI MELAKSANAKAN PROJEK DENGAN JAYA. +UJARNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR GEMBIRA MENDAPATI BAHAWA PERUSAHAAN BANK SAUDAGAR TERBENTUK DENGAN KUKUH DALAM MASA 15 TAHUN LALU BAGI MENJADIKANNYA JENTERA PENTING MEMBANTU SYARIKAT SYARIKAT LAIN... MENYUSUN SEMULA KEDUDUKAN Masing-masing dan MEMATUHI DASAR EKONOMI BARU.

BELIAU BERKATA BANK SAUDAGAR SENDIRI DI MALAYSIA TELAH MEMATUHI DASAR ITU DAN HEMPUNYAI PENYERTAAN BUMIPUTERA YANG BESAR DARI SEGI PEHILIKAN DAN PENGURUSAN.

+DARI SEJUMLAH 12 BANK SAUDAGAR, PENYERTAAN EKUITI BUMIPUTERA, TERHASUK PERBADANAN-PERBADANAN YANG DIKAWAL KERAJAAN, BERJUMLAH 68,2 PERATUS DAN 73,5 PERATUS DARI KAKITANGAN PENGURUSAN KANAN ADALAH BUMIPUTERA. + KATA BELIAU. -- BERNAMA.